

CHINA DAN ASIA TENGGARA

RASIONALISM DI REPUBLIK RAKYAT CHINA

KEWARGAAN - RANGKAP DI LUAR REPUBLIK RAKYAT CHINA

Makalah ini ditulis oleh rakan sejawat kita wartawan Zahari, pemimpin umum harian “Warta Berita” dan mingguan “Waktu” Medan, dan telah bermurah hati menjadikannya khas untuk majalah Qalam – P.Q.

(Oleh Zahari)

Daripada 463,493,000 penduduk negeri China (menurut Banci 1948), ada lebih kurang 8 juta orang yang berketurunan darah Cina yang tinggal berserak di Asia, Amerika dan Eropah. Sedang di Indonesia (sebelum perang) jumlah penduduknya dua peratus terdiri dari bangsa Cina, yang sekarang diduga telah menjadi dua setengah peratus atau lebih kurang 2 juta orang.

Jikalau tidak kerana undang-undang kebangsaan Cina sendiri, dari zaman kerajaan Manchu (200 tahun menguasai negeri China), pemerintahan republik “Sun Yat Sen” (37 tahun menguasai negeri China), pemerintahan republik rakyat Cina (baharu 7 tahun menguasai negeri China), yang menyatakan, bahawa sekalian orang Cina Peranakan, di mana sahaja dia berada, adalah warga-negara negeri China), maka soal kewargaan rangkap (dual citizenship) tidak sepelik sekarang ini yang dialami oleh negara-negara Asia yang baharu merdeka atau negara-negara Asia yang masih lemah kedudukannya dalam pertahanan nasionalnya, bila dibanding dengan kekuatan tentera rakyat Republik Cina sekarang ini.

Sebagaimana di Indonesia, kepelikan mengenai soal ini, lebih-lebih dirasakan oleh Malaya, di mana dari penduduknya 5,700,000 orang Cina dan Peranakan Cina berjumlah 43 peratus atau 2,500,000 jiwa.

Sedang di Burma selain daripada Cina dan peranakan Cina,

suku bangsa Karin yang dahulu-dahulunya berasal (Afkomstig) dari negeri Cina ada berjumlah 1,500,000 orang, yang kini merupakan golongan kecil (minoriti), dari jumlah penduduk Burma yang berbangsa lain dari negeri China, penduduk Burma seluruhnya berjumlah lebih kurang 9 juta jiwa.

Di Siam dari penduduknya yang lebih kurang 17 juta jiwa Itu, penduduk Cina tidak seberapa banyak, tetapi seperti di daerah-daerah Asia Tenggara lainnya, mereka menguasai jalan perekonomian rakyat.

Di Indo-China yang kini terbahagi atas: Laos, Kemboja, Champa, (Vietnam Selatan) dan Tonkin (Vietnam Utara = Vietnamian), dari penduduknya yang sebesar 24 juta jiwa, orang Cina dan Peranakan hanya berjumlah 500 ribu orang.

Di Filipina yang berpenduduk 17 juta orang itu, penduduk Cina dan Peranakan tidak sampai juga 500 ribu orang.

Begitu pula di negeri Jepun (85 juta), Korea (23 juta), penduduk dan Peranakan Cina tidak seperti dialami oleh Indonesia dan Malaya seperti yang kelihatan dari angka-angka di atas, penduduk Cina dan peranakannya sudah merupakan 4,500,000 jiwa, iaitu 57 peratus dari penduduk Cina dan Peranakan di seluruh dunia, di luar negeri China.

Menurut di atas ini ternyata bahawa kolonial-kolonial Inggeris dan Belanda lebih memperlonggarkan “politik membuka pintu”

dari kolonial Perancis di negeri China.

Hanya sangat merasa sayang, bila dipandang dari perasaan senasib seperjuangan (faktor-faktor yang objektif).

Sayogianya Malaya juga harus diundang dalam Kongres Afro-Asia di Bandung itu. Tetapi ini tidak! Sedang kalau dilihat dari kacamata seratus peratus berdaulat, Sudan, Gold Coast di Afrika, juga tidak, tetapi kenapa diundang?

Oleh sebab itu pada tinjauan saya yang berikut, tujuan dari pemerintah seteru Amijoyo untuk memecah kesulitan kewarganegaraan rangkap itu dengan adanya Afro-Asia bukanlah soal yang pokok, pada hal inilah soal yang mengenai langsung soal hangat dalam negeri republik Indonesia dewasa ini.

Dan bila kini ada persetujuan tentang soal kewarganegaraan rangkap (dua kerakyatan – P.Q.) yang ditandatangani oleh Sonario dan Chou En-Lai, itu adalah suatu rancangan yang telah disiapkan oleh duta besar kita di Peking, saudara Mono Noto.

*

Mari kita balik-balik undang-undang dasar republik rakyat Cina, yang baharu disahkan pada 20 September 1954, Fasal 3: Republik Rakyat China adalah negara kesatuan yang berbangsa banyak semua bangsa adalah bersamaan kedudukannya. Diskriminasi atau penindasan terhadap sesuatu bangsa dan perbuatan-perbuatan yang merosak persatuan bangsa-bangsa dilarang. Semua bangsa mempunyai kebebasan untuk mengguakan dan mengembangkan bahasa lisan dan bahasa tulisannya, memelihara atau mengubah adat istiadat dan kebiasaannya. Di daerah, yang semua atau sebahagian besar penduduknya terdiri dari bangsa-bangsa minoriti, dijalankan autonomi kedaerahan. Semua autonom bangsa-bangsa adalah bahagian-bahagian yang tidak terpisah dari Republik Rakyat China.

Fasal 3 di atas ini kira-kira bersamaan dengan idea

dari undang-undang dasar Kesatuan Soviet. Yang memberikan autonomi (autonomi daerah) bagi bangsa-bangsa yang bersatu dalam lingkungan Soviet Rusia yang seperti dijelaskan Undang-undang

Dasar Republik Rakyat China Fasal Satu, bahawa mereka adalah menjalankan sistem demokrasi – sentralisme, di mana bertentangan dengan idea dari demokrasi – desentralisme dari negara-negara demokrasi yang lainnya.

*

Dapatlah diertikan, bahawa segala bangsa di sekeliling Republik Rakyat China, yang berfahaman komunisme dan demokrasi – sentralisme, boleh memasukkan diri sebagai autonomi yang luas kepada Republik Rakyat China. Tetapi ingat, bila sudah masuk, maka tidak boleh terpisahkan lagi buat selama undang-undang dasar 20 September 1954 itu masih berlaku di daratan negeri China.

Memang pendirian ini adalah progresif dan objektif sebagaimana di Rusia, juga Republik Rakyat China menuruti cara ini. Sehingga segala daerah yang tadinya ditakluki imperialis Zar Rusia, kini dirubah menjadi autonomi dari Soviet – Rusia dan dengan tiada terpisahkan lagi.

Begitu pula di Republik Rakyat China, semua daerah yang tadinya dikuasai dan ditakluki oleh imperialis Manchu, seperti: Manchuria, Singkiang, Monggolia, Tibet, Korea, Taiwan dan lain-lain, iaitu daerah-daerah yang bukan berbangsa Cina sejati, kini harus menjadi daerah-daerah autonomi Republik Rakyat China, yang boleh dipisahkan.

Tetapi apa boleh buat, daerah Korea sudah direbut Jepun pada tahun 1910 (sebelum pemerintahan Sun Yat Sen) dan pada persetujuan Kaherah tahun 1944 di antara Chiang Kai-Shek – Churchill – Roosevelt, telah ditetepikan pula menjadi suatu negara yang merdeka, lepas dari

Chiang Kai-Shek.

Dan mengenai Formosa (Taiwan) yang tadinya sejak tahun 1895 direbut Jepun dari pemerintahan Manchu, tetapi dalam perang dunia kedua, ia kembali menjadi daerah China (dalam masa pemerintahan Chiang).

Bagaimana soal Taiwan ini sekarang masih dalam keadaan hangat sekali.

Tetapi bila orang sudah mengetahui undang-undang dasar Republik Rakyat China, Fasal 3 di atas, sudah nyatalah bahawa Taiwan itu mesti diserahkan kepada Republik Rakyat Cina. Biar pun penduduk asli Taiwan termasuk golongan bangsa austronesia seperti bangsa-bangsa di Asia Tenggara dan Indonesia.

Saya ingin kembali nanti meninjau soal Taiwan pada suatu makalah yang khas.

Yang menjadi fikiran sekarang, apakah Taiwan sudah satu ideologi dengan Republik Rakyat China? Apakah tidak baik diadakan pemilihan umum di sana?

Sebelum dari Taiwan, menurut hak-hak sejarah selama dan sebelum pemerintahan Manchu, pernah daerah-daerah Indo-China, Burma, Siam, Malaya, Sumatera, Kalimantan dan Jawa membayar upeti kepada Maharaja China.

Kini kita bertanya, apakah daerah-daerah ini harus


dituntut pula? Sebab dalam Fasal 3 di atas itu, tak perlu daerah Republik Rakyat China itu berbangsa Cina asli sahaja, boleh juga bangsa Tonkin, Laos, Kemboja, Champa, Siam, Burma Karim, Melayu, Indonesia dan lain-lainnya.

Nanti kepada mereka akan diberikan daerah yang berautonomi “luas sekali” seperti diterangkan di atas.

Kesangsian di atas ini hanya boleh dijawab dengan suatu pertanyaan: Apakah pada tiap-tiap daerah yang kita sebutkan di atas itu, sudah terbentuk suatu pemerintahan yang berdasarkan komunistis dan demokrasi-sentral?

Dan untuk menentukan ini, pada tiap-tiap daerah tersebut yang sekarang sudah beroleh kemerdekaan dan kedaulatan berbentuk negara. Bukan daerah, haruslah diadakan pemilihan umum langsung dari rakyat.

Bila rakyat-rakyat di daerah itu telah cukup dipengaruhi oleh parti-parti komunis, dan di Indonesia oleh Parti Komunis Indonesia dengan PND dari Kominform atau PND Republik Rakyat China, maka pemilihan umum itulah kelak yang membentuk sifat sejarah, yang akhirnya menentukan apakah mereka jadi daerah yang tak terpisahkan dari Republik Rakyat China – Peking, seperti nasibnya sekarang Dengan Tibet, Singkiang, Monggolia dan Manchuria.



Pemandangan yang indah ini ialah bandar Brunei.

Saya kembali kepada persetujuan Chou En-Lai – Sonario (lebih baik dibaca rancangan: Mono Noto).

Dalam bentuknya yang objektif dan geografis seperti tersebut dalam undang-undang nasional China, sejak pemerintahan Manchu, Sun Yat Sen dan Republik Rakyat China, timbul suatu hal yang kurang jelas.

Kerana pada pihak lain, ketika pemerintahan itu (di mana Republik Rakyat China masih belum mahu melepaskannya), menyatakan pula dalam hukum nasionalnya, bahawa semua Peranakan yang berketurunan darah (Jus Sanguinis) dengan Cina (?) haruslah dipandang warga – negara China.

Tidak peduli ia lahir di Malaya, di Indonesia atau di Amerika sekali.

Undang-undang nasional mereka, tidak mahu kenal dengan apa yang dikatakan dengan hukum Jus Soli, iaitu di mana orang itu lahir maka di sanalah tanah airnya. Dan di sanalah mereka jadi warganegara baharu.

Hukum nasional China yang sangat berdasarkan adat kekeluargaan asli tiada membenarkan hukum internasional baharu, di mana dinyatakan menurut hak-hak manusia: di mana kakinya diinjakkan (tempat lahirnya), di situlah langit dijunjungnya (menjadi warganegara).

Sifat-sifat moden ini telah tidak cocok lagi dengan hukum-hukum nasional Republik Rakyat China yang kaku dan tidak progresif itu.

Apa definisi darah Cina apakah asli – subjektif (Cina Selatan) atau asli – objektif, di mana termasuk darah Manchu, darah Mongolia, darah Singkiang, darah Tibet, masih dapat diperbincangkan.

Kalau kita lihat undang-undang dasar Republik Rakyat China 20 September 1954, ternyata ialah darah Cina secara geografis – objektif.

Andai kata misalan Malaya menjadi daerah Republik

Rakyat China seperti sekarang ini, maka darah Malaya pun dipandang pula darah China Raya.

*

Ketika pemerintahan Chiang Kai-Shek yang lemah dalam ketenteraan, kolonial Inggeris di Malaya, Hong Kong, Borneo Utara dan kolonial Belanda di Indonesia tidak memperdulikan hukum-hukum nasional China yang kolot itu.

Banyak orang-orang Cina di Malaya (sampai kini) dan orang-orang Cina di Indonesia waktu itu, yang dibenarkannya menjadi warganegara Inggeris dan Belanda.

Memang hukum nasional Inggeris dan Belanda membolehkan siapa sahaja menjadi warganya, tetapi secara aktif, yakni memasukkan surat permintaan.

Kalau Chiang mahu menganggap warga Inggeris dan Belanda itu mahu menjadi warga Cina, itu adalah soalnya sendiri. Soal rangkap atau tidak, bukan menjadi soal mereka.

Pun Republik Indonesia di zaman Jokowi pada tahun 1954 bulan November, telah menyatakan segala Peranakan Asia termasuk Cina Arab di Indonesia, secara pasif, secara serentak dengan tiada menanyakan pendapat peribadi sendiri-sendiri terus dijadikan warga Indonesia. Kecuali Peranakan Belanda (Indus) yang harus secara aktif, baharu boleh menjadi warga Republik Indonesia, iaitu sesudah dimajukannya permintaan. Kalau tidak, tetap menjadi warganegara Belanda.

*

Dalam persetujuan KMB, dasar pasif mengenai Peranakan Cina ini telah diambil Over, iaitu dalam 2 tahun sesudah KMB (1949) dan pada pada akhir 1951, bila Peranakan Cina tidak menyatakan mahu menjadi warga China (tak dijelaskan. RRT dan KMT), mereka dengan sendirinya menjadi warga Republik Indonesia.

Tetapi dengan persetujuan Chou En-Lai – Sonario,

yang disiapkan Mono Noto: keadaan itu diubah. Idea tempoh 2 tahun sesudah persetujuan itu diratifikasikan oleh parlimennya masing-masing, diambilnya tetapi terbalik.

Bila mereka tidak meminta menjadi warganegara Republik Indonesia, semua mereka akan menjadi warga Republik Rakyat China. (Ingat: warga Republik Rakyat China bukan warga Kuomintang, sebab Republik Indonesia mengakui hanya ada Republik Rakyat China sahaja).

Dan lama persetujuan ini diikat dalam tempoh 30 tahun. Apa yang akan kejadian pada 30 tahun yang akan datang, *wa Allāhu a'lam bi al-ṣawāb!* Atau apakah persetujuan itu kekal selama 30 tahun nanti, *wa Allāhu a'lam bi al-ṣawāb* juga.

*

Kini pendapat peribadi saya sendiri.

Sesudah saya menghuraikan kebesaran dan keluhuran bangsa dan negara China, dari sejak zaman dahulu dan sesudah menjelaskan dengan sendirinya, bagaimana tidak teraturnya keadaan politik dan pemerintahan dalam negerinya, sampai sekarang Republik Rakyat China menguasai seluruh daratan negeri China, maka soal kewarganegaraan rangkap ini haruslah menjadi perhatian benar oleh kita sekarang untuk tidak bertindak salah bagi generasi-generasi (keturunan – P.Q.) dan negara kita di belakang hari.

Soal-soal teknik yang menjadi keberatan PIN, BAPERKIPSI dan lain-lain itu, di mana dialaskan bahawa nasib Peranakan Cina di Indonesia dipermainkan dengan dipindah dari sistem pasif menjadi aktif, tiadalah begitu penting dilihat perkembangan yang deras dan besar dari Republik Rakyat China sekarang baik secara LEGAL dan SUBVERSIF.

Kalau tadinya sikap-sikap China tidak militan dan agresif seperti di zaman Manchu dan di zaman Chiang Kai Shek, dalam soal-soal politik, melainkan hanya mahu cari

makan sahaja di daerah Asia lainnya, maka soal pasif mewarga-negarakan Peranakan Cina seperti pada keadaan tahun 1945 dan tahun 1949, tiada begitu mengkhawatirkan.

Tetapi kini, di mana gerakan imigrasi illegal (menyeludup, masuk secara haram – P.Q.) dan gerakan Subversif (gerakan merubahkan, menumbangkan – P.Q.) yang punya modal yang boleh membeli pendirian seseorang yang lemah jiwanya, kita harus berkartu terbuka dan bertegas-tegas.


Sifat-sifat peri kemanusiaan dari Shahrir – PSI, waktu itu (1945), Perdana Menteri Republik Indonesia di Jogja, tak akan cocok lagi di dalam suasana moral yang tidak tentu sekarang ini.

Keberatan-keberatan yang tulus ikhlas dari Baperki dan warga-warga Republik Indonesia berasal dari Peranakan Cina sudah berdua – tiga – empat keturunan di negeri ini, bahawa baiklah bagi mereka yang politik – Bewust dan mengerti dapat diatasi supaya dalam tempoh 2 tahun mereka dapat terhindar dari “bahaya” menjadi rakyat Republik Rakyat China. Tetapi bagaimana dengan mereka yang bertabur di kampung-kampung dan di desa-desa sampai ke kaki gunung yang buta huruf tentang “Alif Ba” politik kewarganegaraan?

Untuk mengatasi soal ini, ada 3 jalan yang dapat dijalankan dalam tempoh 2 tahun itu bahkan dari sekarang pun sudah boleh dimulai.

1. Badan-badan penerangan Baperki yang begitu luas cabangnya tersiar di seluruh Indonesia dengan dibantu oleh jabatan-jabatan penerangan pemerintah Republik Indonesia, dapat memberikan penerangan secara sistematis.

2. Cara-cara aktif itu perlu dibuat secara praktis, tetapi tegasnya, sehingga saudara-saudara Peranakan Cina itu dapat lekas memahaminya. Buat hal ini sistem-sistem dan cara-cara pejabat yang bertugas buat itu harus dipermudah dan *dicontrol*, untuk menghindarkan hal-hal



Presiden Soekarno sedang berpidato dalam suatu rapat raksasa baharu-baharu ini di Jakarta.

yang tidak perlu dan korup.

*

Dalam pada itu dari 2 juta penduduk Cina di Indonesia ada 50 peratus yang berbangsa Peranakan dan memang dengan sungguh hendak menjadi warga Republik Indonesia dengan sejujur hati.

Dari bahagian yang 50 peratus lagi ada sebahagian pula yang bersemangat – berapi-api hendak menjadi warga Republik Rakyat China, apa lagi sesudah melihat kemenangan-kemenangan yang gilang gemilang yang didapati di Korea, Vietnam, Geneva dan kini mungkin di Taiwan.

Dan jangan dilupakan, bahawa bahagian terbesarnya masih sahaja cinta kepada Kuomintang, yang dipimpin oleh Chiang Kai Shek.

Dalam soal ini saya tidak dapat menunjukkan penjelasan. Ini adalah soal dalam negeri China, yang tiada

kena mengenai kepada urusan dalam negeri kita, selama mereka di Indonesia masih berjalan dalam batas-batas undang-undang negeri kita.

Bahawa pada tahun 1948 (Clash Belanda kedua), waktu itu Republik Rakyat China belum terbentuk, perwakilan Kuomintang mendesak Dewan Keamanan supaya pemimpin-pemimpin Indonesia dikembalikan ke Jogja sampai sekarang masih tertulis dalam sejarah. Dan dalam tempoh 24 jam. Usul musyi Kuomintang ini diterima baik oleh Dewan Keamanan. Pada zaman pemerintahan di Jogja, kita mengakui pemerintahan Chiang Kai Shek.

Tetapi sesudah kita mendapat pengakuan kemerdekaan dari Belanda dan dunia yang lain pada penyerahan kedaulatan pada tahun 1949, pemimpin parti-parti yang kini telah berubah sejak dari Jogja, memutar jarum politik bebas luar negeri kita, dan semenjak itu kita mengakui

Republik Rakyat China. Mungkin kerana menuruti politik luar negeri India. Pada hal bagaimana garis-garis perbatasan antara India dan Republik Rakyat China dan beberapa banyak orang Cina di India, sangat berjauhan benar kita di Indonesia.

Pemerintah kita membutuhkan mata, bahawa bahagian terbesar dari rakyat asli China di Indonesia adalah pro Kuomintang.

Dalam pada itu sesudah Ambassade Republik Rakyat China dibuka di Jakarta, kegiatan dalam pendidikan ideologi kepada pemuda Cina begitu sangat Intensif, sehingga banyak di antaranya yang sudah menjadi warganegara Republik Indonesia atas akibat dari sistem pasif kewargaan tahun 1945. Dan malahan yang sudah menjadi warga buat kedua kali akibat persetujuan Kuomintang pada tahun 1849, kini sangat pro kepada Republik Rakyat China.

Dalam kunjungan saya ke Bandung dengan mata saya sendiri saya lihat pemuda-pemuda Cina yang sudah menjadi warga Republik Indonesia lebih bersemangat bertepuk tangan dan melonjak-lonjak serta berteriak-teriak menyambut kedatangan Cho En-Lai Perdana Menteri Republik Rakyat China daripada seteru Amijoyo Perdana Menteri Republik Indonesia bahkan dari Soekarno sendiri, presiden Republik Indonesia.

Bagaimana nanti nasib bangsa Cina asli, yang masih totok, yang pro kepada Koumintang dengan persetujuan Chou – Sonaro itu, tidaklah di sini saya dapat mengupasnya.

Dilihat dari huruf dan jiwanya persetujuan itu, mereka bila tidak mahu menjadi warga Republik Indonesia, harus menjadi warga Republik Rakyat China. Bahawa hal ini bagi mereka sangat ditentang, sudahlah logik.

Tetapi persetujuan itu kalau sudah diterima parlimen ia akan menjadi suatu undang-undang, di mana segala orang di wilayah Republik Indonesia harus tunduk kepadanya.

Yang hendak saya nyatakan pada penutup karangan ini, bahawa sudah sejak lama, jauh sebelum kabinet seseteru

Amijoyo memerintah sekarang, bahawa saya tetap tidak setuju dengan sistem pasif ala Jogja yang sangat progresif. Kekhawatiran itu kiranya kini sudah dapat dilihat dari kenyataan-kenyataan yang berkembang di dalam dan di luar negeri kita. Maka buat rancangan Mono Noto (PNI) dan yang tentunya disokong oleh PNI itu, saya menyatakan setuju.

Yakni diadakan dengan tegasnya, malahan lebih tegas lagi, apa mereka betul-betul mahu jadi warga Republik Rakyat China atau Republik Indonesia. Jangan seperti sekarang ini. Bila Koumintang kuat jadi warga Kuomintang. Bila Republik Rakyat China kuat jadi warga Republik Rakyat China. Dan bila Republik Indonesia kuat, jadi warga Republik Indonesia.

Segala kebimbangan yang tiada berfaedah dan secara penakut itu harus diakhiri dengan sistem tegas.

Tentu tiap-tiap operasi itu ada komplikasi-komplikasi tetapi itupun dengan mudah dan praktis dapat diatasi.

SURAT AKUAN

Saya, H.M.D. al-Ahmadi, 146 Pasir Emas, Kelantan mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi dan berbanyak-banyak terima kasih kepada tuan tabib yang tersebut di bawah ini kerana menyembuhkan penyakit buasir yang saya telah hidapi selama lebih kurang 25 tahun buasir saya telah digugurkan dengan tak payah dipotong dan tidak berasa sakit dalam tempoh 12 hari sahaja. Yang demikian saya syorkan kepada saudara-saudara sekalian yang ada mengidap penyakit ini, silalah datang berjumpa dengan segera kepada tabib tersebut, inshā' Allāh akan memuaskan. Yang benar



10. 11. 54

H.M.D. al-Ahmadi

TABIB H.G. MUSTAFFA,
PUNJAB MEDICAL HALL,
280 Victoria Street, Signapore 7.
Telephone 80444.